

Salah guna, tafsir agama punca

BH 12 JUN 2001

DATUK SERI Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sesetengah pihak yang kerap mengaitkan kemunduran sesebuah masyarakat atau negara dengan takdir dan agama Islam.

Perdana Menteri berkata, kemunduran berlaku disebabkan oleh umat Islam itu sendiri yang menyalahgunakan agama dan tidak ada kena mengena dengan amalan sekular seperti didakwa sesetengah pihak.

"Sekular sebenarnya bukan istilah dalam Islam. Islam adalah cara hidup termasuk bagaimana menguruskan negara mengikut kehendak agama Islam.

Ada yang kurang pengetahuan mengenai Islam menyalahkan kemunduran kononnya disebabkan agama itu sendiri.

"Ini adalah tanggapan salah...yang sebenarnya (punca) adalah salah tafsir dan penyalahgunaan agama," katanya menjawab pertanyaan seorang peserta asing mengenai sekularisme di seminar antarbangsa mengenai Kesan Globalisasi Terhadap Dunia Islam: Isu Dan Cabaran Pada Abad Ke-21, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, mentadbir sesebuah negara juga perlu mengikut kehendak Islam dan tidak

wajar bagi sesetengah pihak mengaitkan dengan amalan sekularisme jika pentadbir melakukan pemodenan.

"Mereka menuduh kita mahukan negara ini menjadi negara sekular. Islam tidak melarang kita melakukan pemodenan. Tetapi setiap kali negara Islam cuba nak maju dengan mengalak rakyatnya menerokai bidang kejuruteraan dan sains, dituduh sekular.

"Kononnya, kita tidak perlu belajar sains, cuma tumpu perhatian kepada agama dan perundangan Islam. Jika ini berlaku, kita akan ketinggalan. Sekarang

kita tidak boleh lagi mempertahankan negara menggunakan anak panah, pedang dan kuda, tetapi dengan kapal terbang perang. Tanpa ilmu pengetahuan mengenai sains dan kejuruteraan, bagaimana menggunakan semua ini," katanya.

Beliau sedih ada pihak yang menghasut pelajar supaya jangan belajar mengenai ilmu sains, sebaliknya memberi tumpuan kepada pelajaran agama saja yang dijanjikan tempat di syurga.

Menjawab soalan lain daripada peserta, Dr Mahathir berkata kini ada terlalu banyak kumpulan

umat Islam mundur

yang mewakili negara membangun.

Katanya, disebabkan ini ketua-ketua negara dan kerajaan banyak menghabiskan masa menghadiri mesyuarat dan adalah mustahil untuk mengumpulkan semua pemimpin pada satu-satu masa dan tempat.

"Perkara utama yang boleh kita buat ialah mempunyai sebuah kumpulan yang lebih kecil, tetapi diberikan sedikit fleksibiliti oleh yang lain supaya kita boleh bertindak ke atas pelbagai ancaman terhadap kita dan dengan itu pastinya kita akan lebih efektif," katanya.

Terdahulu, dalam uca-

pannya, Perdana Menteri berkata ketika negara maju cuba untuk mengubah atau melengah-lengahkan globalisasi, negara-negara Islam tidak boleh menunggu hasil tindakan mereka.

"Kita perlu bersedia untuk menangani bahaya akibat globalisasi dan mempelajari semua teknologi dan aplikasi yang ditawarkan. Oleh itu, mempelajari mengenai teknologi maklumat (IT), tidak perlu terbatas kepada aplikasinya sahaja," katanya.

Beliau berkata, orang Islam mesti berupaya untuk membangunkan perisian asas dan pelbagai jenis aplikasi untuk pempro-

sesan mikro bukan sahaja dalam komputer dan komunikasi, malah dalam kejuruteraan, automasi jentera dan robot, instrumen canggih lain dan segala jenis aplikasi lain.

Daripada asas ini, katanya, negara-negara Islam mesti 'memajukan industri pembuatan sendiri bagi mengurangkan penggantungan terhadap yang lain.'

"Kita bukan hendak mengatasi negara maju, tetapi kita perlu mampu mengejar mereka agar sebanding dengan mereka, atau sekurang-kurangnya tidak ketinggalan begitu jauh sebagaimana kita sekarang," katanya.